

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	15 AUGUST 2016

Mahathir tidak ikhlas lepas jawatan

Oleh **AZRAN FITRI RAHIM,**
RODELIO JUNJUN TAUCAN,
ASSIM HASSAN dan ABDUL
YAZID ALIAS

pengarang@utusan.com.my

KOTA BHARU 14 Ogos - Tun Dr. Mahathir Mohamad disifatkan tidak ikhlas untuk melepaskan semua jawatannya sebagai Perdana Menteri pada tahun 2003 kerana masih mahu berkuasa dengan mengawal penggantinya.

Pengerusi Veteran UMNO Kelantan, **Datuk Rozali Isohak** berkata, perkara tersebut jelas apabila beliau mengkritik dan menjatuhkan penggantinya, Tun Abdullah Ahmad Badawi sebelum ini.

Beliau berkata, bekas Presiden UMNO itu juga mahu menjadi 'king maker' di negara ini kerana sifatnya yang tidak yakin dan tidak percaya kepada pemimpin yang ada pada hari ini.

"Dr. Mahathir tidak harap kepada penggantinya, lihat sebelum ini dua timbalannya berhenti disebabkan tekanan yang diberikan beliau, Anwar juga tidak dapat bertahan dan Abdullah dijatuhkan selepas menjadi Perdana Menteri.

"Hari ini, beliau mahu mengawal Datuk Seri Najib Tun Razak. Sebenarnya Dr. Mahathir mahu memerintah lebih lama dan apabila hendak berhenti, beliau tentukan orang dan orang itu perlu

mengikut cakupannya, bekas Perdana Menteri ini mahu jadi *king maker*," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Rozali yang juga bekas Timbalan Menteri Besar II berkata, Dr. Mahathir memberi ancaman kepada negara kerana membawa campur tangan asing semata-mata mahu menjatuhkan Najib sebagai Perdana Menteri.

Bagi Pengarah Strategik Komunikasi Barisan Nasional (BN), **Datuk Abdul Rahman Dahlan** pula, sikap Dr. Mahathir mahu mengawal pentadbiran negara dilihat seperti terperangkap dalam pemikiran era 1980-an dan 1990-an ketika beliau masih menjadi Perdana Menteri.

"Beliau tidak sedar sekarang ini bukan lagi zamannya, malah rakyat sudah matang untuk mengetahui perkembangan politik tanah air dan tidak sesekali mahu campur tangan asing sama ada sengaja atau dijemput," kata Abdul Rahman yang juga Menteri Di Jabatan Perdana Menteri.

Campur tangan Dr. Mahathir pada pentadbiran negara dan UMNO pula disifatkan Ahli Parlimen Papar, **Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin** boleh memecahbelahkan masyarakat terutamanya orang Melayu.

Katanya, seandainya Dr. Mahathir beranggapan campur tangan beliau dalam pentad-

biran kerajaan hari ini demi menyelamatkan negara, tindakan itu adalah silap.

"Saya berharap Tun Dr. Mahathir muhasabah diri selain berehat dari mencampuri urusan tersebut supaya sejarah mengenang beliau sebagai seorang negarawan yang disegani dan bukannya bekas pemimpin yang menghancurkan negara," tegas Rosnah.

Sementara itu, Ahli Parlimen Sungai Besar yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Sungai Panjang, **Budiman Mohd. Zohdi** pula berkata, sebagai bekas Perdana Menteri yang telah 22 tahun mengetuai kerajaan dan UMNO, Dr. Mahathir sepatutnya memberikan peluang kepada kepimpinan Datuk Seri Najib Tun Razak yang memberi fokus penuh melaksanakan agenda transformasi untuk negara dan rakyat.

Dalam pada itu, Ketua UMNO Bahagian Selayang, **Datuk Abdul Shukur Idris** pula berkata, Dr. Mahathir perlu memahami maksud persaraan yang sebenarnya serta tidak perlu menidakkan peranan serta sumbangan Najib kepada negara sebagai mana yang telah dimandatkan oleh rakyat melalui sistem demokrasi.

"Pemimpin datang dan pergi, Tun Dr. Mahathir seharusnya tahu dan faham masanya sebagai Perdana Menteri telah berlalu," katanya.

um-15/8/2016